

Newspaper	Harakah
Date	17/12/2012

## Usaha jatuhkan Najib dari dalam Umno

Harakah - 17/12/2012

KUALA LUMPUR: KeADILan percaya kenyataan ahli perniagaan, Deepak Jaikishan berhubung perannya dalam akuan bersumpah kedua penyiasat persendirian, P Balasubramaniam (PI Bala) didorong oleh tekanan pihak Umno yang ingin menjatuhkan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Razak.

Ketua Angkatan Muda KeADILan (AMK), Shamsul Iskandar Mohd Akin tidak menolak kemungkinan kempen memburukkan imej Najib itu sengaja diatur sempena Perhimpunan Agung Umno.

"Kemungkinan besar (ia berlaku) memandangkan wawancara dibuat ketika Perhimpunan Agung Umno berlangsung. Lagipun Deepak sejak dahulu bukanlah bersama kita," katanya.

Menurut Shamsul, ia dikuatkan lagi apabila Presiden Umno ketika taklimatnya dalam perhimpunan itu meminta ahli Umno bersatu dan tidak mengkhianati parti.

"Ini menunjukkan wujud perpecahan dan perebutan kuasa dalam Umno," katanya.

Deepak yang juga kawan baik Rosmah Mansor dalam wawancara media menyatakan kekesalannya ekoran terlibat dalam mengatur akuan bersumpah (SD) kedua Bala.

Antara lain, Deepak mendedahkan, SD kedua yang dibuat secara tergesa-gesa oleh Bala, untuk menarik balik tuduhan awalnya yang mengaitkan Najib dengan Altantuya Shaariibuu,

adalah sebahagian daripada usaha untuk menggagalkan satu pengakuan yang dirancang berhubung pembunuhan wanita Mongolia itu.

Memetik wawancara sama, Deepak turut mengaku membayar sejumlah wang kepada keluarga Najib pada 2007 agar Najib, Menteri Pertahanan ketika itu campur tangan bagi membolehkan beliau mengambil bahagian dalam satu projek kementerian itu.

Mengulas kenyataan tersebut, Shamsul menuntut Polis Diraja Malaysia (PDRM) bertegas dan menilai pendedahan Deepak dengan bertanggungjawab.

"Polis perlu ambil sikap tegas. Panggil Deepak ambil keterangan beliau dan minta maklumat dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang buat siasatan sebelum ini," kata Shamsul.

12 April 2010, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Nazri Aziz mengesahkan SPRM mengambil keterangan Deepak dan adik Najib, Dato' Nazim Razak berkenaan akuan bersumpah Bala itu.

Bala sebelum ini menggemparkan negara apabila pada 3 Julai 2009 muncul di ibu pejabat KeADILAN dan mengumumkan akuan bersumpahnya mengaitkan Najib (waktu itu Timbalan Perdana Menteri) dengan Altantuya.

Bagaimanapun, dia menarik balik kenyataan dalam akuan sumpah awal melalui akuan sumpah kedua.